

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN V. SIVAKUMAR A/L VARATHARAJU NAIDU
(BATU GAJAH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 22.03.2016

Y.B. TUAN V. SIVAKUMAR A/L VARATHARAJU NAIDU [BATU GAJAH]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah pihak bank melindungi maklumat peribadi seseorang pelanggan. Sering kali, pihak "tele marketing" mendapat maklumat-maklumat peribadi daripada pihak institusi kewangan untuk berurusan dengan mereka. Adakah Bank Negara pernah mengambil tindakan terhadap mana-mana institusi kewangan kerana membocorkan maklumat dan kerahsiaan pelanggan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Peruntukan kerahsiaan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (APK) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI) melarang institusi kewangan mendedahkan maklumat pelanggan kepada pihak lain melainkan pelanggan sendiri memberi kebenaran untuk maklumatnya didedahkan kepada pihak lain atau pendedahan tersebut dibenarkan di bawah APK dan APKI untuk tujuan-tujuan tertentu seperti mematuhi perintah mahkamah. Pendedahan kepada pihak ketiga bagi tujuan pemasaran hanya boleh dilakukan apabila institusi kewangan mendapat persetujuan yang jelas daripada pelanggan. Di bawah Garis Panduan Ketelusan dan Pendedahan Produk, institusi kewangan harus meminta izin pelanggan untuk berkongsi maklumat pelanggan dengan institusi kewangan di bawah kumpulan kewangan yang sama bagi tujuan *cross-selling* dan pelanggan boleh memilih untuk ‘*opt out*’ jika mereka tidak bersetuju dengan pengaturan tersebut.

Bank Negara Malaysia (BNM) memandang serius terhadap kes pelanggaran peruntukan kerahsiaan bagi memastikan integriti sistem perbankan terpelihara pada setiap masa. Pelanggaran peruntukan

kerahsiaan boleh dikenakan hukuman penjara maksimum lima tahun atau denda tidak melebihi RM10 juta atau kedua-duanya sekali. Sekiranya terdapat aduan kebocoran maklumat pelanggan, institusi kewangan dikehendaki menyiasat aduan kebocoran tersebut dan melaporkannya dengan serta-merta kepada BNM. Dalam hal ini, antara tindakan yang pernah diambil oleh BNM adalah: -

- i. mengkompaun;
- ii. mendakwa pesalah di bawah APK dan APKI;
- iii. mengarahkan institusi kewangan supaya mengukuhkan kawalan dalaman terhadap keselamatan maklumat pelanggan; dan
- iv. memastikan pihak institusi kewangan menguatkan lagi pelaksanaan audit dalaman atau audit bebas di mana hasil laporan tersebut perlu dimaklumkan kepada BNM.

SOALAN (23)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 22 MAC 2016
[SELASA]**

**DARIPADA : Y.B. DATUK AARON AGO ANAK DAGANG
[KANOWIT]**

SOALAN :-

Y.B. DATUK AARON AGO ANAK DAGANG [KANOWIT] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan perancangan pihak Kementerian dalam memperbanyakkan lagi pembinaan rumah mampu milik agar ianya dapat memberi peluang kepada belia untuk memiliki rumah pertama mereka di samping dapat membantu rakyat yang kurang berkemampuan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam Ucapan Bajet tahun 2016, satu skim baharu di mana kerajaan akan menyediakan Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan peruntukan sebanyak RM200,000,000 sebagai sumbangan kepada pembeli rumah pertama untuk rumah mampu milik bagi tujuan bayaran deposit.

Manakala bagi belia yang belum lagi berkemampuan untuk memiliki rumah sendiri, Kementerian juga turut melaksanakan Program Rumah Transit 1Malaysia (RT1M) untuk pasangan muda. Program RT1M ini telah dilaksanakan di PPR Bukit Jalil di mana sebanyak 632 unit rumah yang ditawarkan untuk penyewaan pada kadar sewa sebanyak RM250 sebulan.

Perlaksanaan program ini juga turut diteruskan pada tahun 2016 di mana sebanyak 200 unit RT1M di PPR Kepong, Selangor dan 200 unit lagi di PPR Sungai Melana, Johor akan ditawarkan bagi membantu golongan belia

menyewa terlebih dahulu di rumah RT1M sebelum mereka dapat menyimpan wang yang secukupnya bagi membolehkan mereka untuk memiliki rumah yang diidamkan pada masa hadapan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2016